



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 13 DISEMBER 2018**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|----------------------|--|--|
| 1. | LEBIH 300 BUBU NAGA DIRAMPAS, SINAR HARIAN -ONLINE | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 2. | DIDIK MAHASISWA JADI USAHAWAN, SETEMPAT, SH -34 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 3. 4. 5. 6. | PENGERUSI MADA AKAN DILANTIK DALAM MASA TERDEKAT, SH -ONLINE JPV JOHOR PERUNTUK LEBIH RM1 JUTA, SH -ONLINE Q'DIN DEER FARM TUMPU USAHA PEMBIAKAN BAKA TIMORENSIS, SH -ONLINE 19 ILLEGAL TIMBER FACTORIES RECEIVE TEMPORARY PERMOT, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A28 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 13/12/2018 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

Lebih 300 bubu naga dirampas



PARIT BUNTAR - Cawangan Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan Daerah Kerian merampas 344 unit bubu naga dalam satu operasi di perairan kawasan Trong dekat Kuala Sepetang, semalam.

Ketua Pangkalan cawangan itu, Razali Mat Akit berkata, rampasan pada jam 3 petang itu dilakukan sepasukan 10 anggota cawangan berkenaan dari Kuala Kedah dan Kuala Kurau dengan menggunakan dua bot risik.

Beliau berkata, pihaknya mengadakan operasi itu berikutan aduan nelayan di kawasan berkenaan mengenai kegiatan bubu naga yang mengancam sumber perikanan nelayan pantai.

"Bubu naga berangkai sepanjang 15 hingga 20 unit setiap satu diharamkan operasi kerana ia tidak dilesenkan Jabatan

Perikanan.

"Semasa operasi kita menemukan bubu naga itu dipasang pada pancang kayu dan menggunakan pelampung dan kes itu disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana kesalahan beroperasi tanpa lesen dan boleh didenda RM500," katanya dalam sidang media di sini, hari ini.

Razali berkata, siasatan mendapati setiap satu bubu naga dijual dengan harga antara RM60 hingga RM70 setiap unit.

Menurutnya pemilik bubu naga diberi tempoh satu bulan untuk menuntut kembali bubu yang dirampas atau ia akan dimusnahkan. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|----------|------------|
| 13/12/2018 | SINAR HARIAN | SETEMPAT | 34 |

Didik mahasiswa jadi usahawan

Agromas Challenge galak pemasaran secara atas talian

ROSILAWATI ROSEDI

RAUB

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) turut mengambil inisiatif dengan penglibatan pelajar Institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini bagi memasarkan produknya dalam usaha mendidik mahasiswa terbabit menjadi usahawan yang berjaya.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Ishak berkata, pendekatan itu akan dilakukan menerusi pelaksanaan program Agromas Challenge yang julung kali diadakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Raub, kelmarin.

Menurutnya, usaha bersama UiTM Raub itu dijalankan buat julung kalinya.

"Bersama UiTM Raub, kita me-



Ahmad Ishak (depan tujuh kiri) bersama mahasiswa UiTM Raub sempena program tersebut.

lancarkan Agromas Challenge iaitu ia adalah produk Fama yang dihasilkan sama ada dari kilang atau produk-produk yang dibekalkan oleh vendor kita.

"Produk Agromas melalui proses

yang ketat dari segi kualiti dan pemilihan vendor pun ada ciri-ciri yang perlu dipatuhi.

"Sebab itu kita gunakan platform ini untuk menggalakkan pelajar membuat pemasaran secara talian,

"katanya lagi.

Beliau berkata sedemikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Kelab Myagrosis dan Agromas Challenge di kampus berkenaan.

Dalam pada itu Ahmad mem-

beritahu, melalui Agromas Challenge itu Fama menasaskan jualan sebanyak RM1 juta dengan penyertaan kira-kira 1,000 mahasiswa.

"Setiap seorang disasarkan menjual sebanyak RM1,000 setiap semester. Mereka bebas membuat pelbagai pendekatan pemasaran khususnya melalui dalam talian bagi memasarkan kira-kira 100 jenis produk makanan Agromas.

"Setiap mahasiswa bukan sahaja akan mendapat komisen atas hasil jualan itu tetapi juga akan menerima hadiah wang tunai yang akan ditentukan berdasarkan jualan terbanyak," ujarnya.

Sementara itu, beliau berkata, Fama juga menasaskan 20 lagi produk baharu tahun hadapan untuk mengembangkan lagi produk keluaran Agromas bagi memenuhi kehendak pengguna.

Ujarnya, pihaknya juga akan terus mempergiatkan pemasaran produk tersebut untuk menembusi pasaran asia yang kini telah berjaya dipasarkan di banyak negara seperti Singapura, Indonesia dan sebagainya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 13/12/2018 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

Pengerusi Mada akan dilantik dalam masa terdekat



Azman (tengah) menyempurnakan gimik pelancaran Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Mada di perkarangan Pertubuhan Peladang Kawasan Mada F-II di sini, hari ini.

JERLUN - Lantikan pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) yang baharu akan dibuat dalam masa terdekat.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Azman Nasrudin berkata, ketika ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sudah mempunyai calon bagi mengisi kekosongan jawatan berkenaan.

Katanya, kementerian mungkin sedang menunggu masa yang sesuai untuk membuat pengumuman berkenaan.

"Saya nak komen lebih pun saya tak tahu siapa orangnya. Tetapi sebagai exco saya akan memberi sokongan penuh terhadap pelantikan berkenaan.

"Sebenarnya, siapa calonnya tak penting, yang penting kita nak buat kerja untuk rakyat," katanya selepas melancarkan Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Mada di perkarangan Pertubuhan Peladang Kawasan Mada F-II di sini, hari ini.

Menurutnya, walaupun jawatan pengerusi masih kosong sejak Mei lalu, namun Mada ketika ini masih menyediakan perkhidmatan yang baik di bawah pentadbiran Pengurus Besarinya, Datuk Fouzi Ali.

"Tak ada pengerusi pun, kerja-kerja masih bagus juga, cuma bila ada pengerusi ni, mungkin dia (pengerusi) ada idea-idea baharu untuk memperkasakan petani dan peladang di kawasan Mada," katanya.

Sementara itu, Fouzi dalam ucapannya berharap agar orang ramai dapat mengambil peluang dengan sebaiknya melalui program yang dilancarkan itu.

"Penganjuran program seperti ini juga sangat efisien dalam menerima maklum balas segera daripada peladang dan orang ramai.

"Hal ini supaya mereka tidak perlu lagi menggunakan saluran akhbar untuk membuat aduan agar permasalahan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan cepat dan efisien," katanya.

Tambahnya, program berkenaan turut di meriahkan dengan penyertaan 10 agensi lain dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, seperti jabatan pertanian, jabatan perikanan, Veterinar dan lain-lain lagi.

Dalam majlis berkenaan juga, Mada turut menyampaikan Insentif Projek Estet Padi Musim 2/2018 kepada wakil-wakil peladang di seluruh kawasan Mada yang berjumlah RM16.89 juta.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 13/12/2018 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

JPV Johor peruntuk lebih RM1 juta



Aida ketika melawat Projek Ternakan Rusa, Q'din Deer Farm di Kampung Sagil, Tangkak, semalam.

TANGKAK - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Johor memperuntukkan lebih RM1 juta bagi merancakkan program Ladang Ternakan Rakyat sebagai usaha menyokong mereka yang baharu menceburi bidang ini.

Pengarah JPV Johor, Dr Aida Muhit berkata, program diperkenalkan sejak 2015 itu dimanfaatkan kepada lebih 100 pengusaha haiwan ternakan apabila mereka turut menerima baka masing-masing sewaktu pertama kali menceburinya.

Menurutnya, sehingga kini JPV negeri mengagihkan lebih 100 ekor haiwan ternakan antaranya lembu, kambing dan ayam kampung.

"Program Ladang Ternakan Rakyat melibatkan pemberian haiwan ruminan pelbagai jenis iaitu lembu daging ataupun lembu yang dipelihara untuk tenusu. Ia juga termasuk pilihan jenis kambing sama ada biasa atau kambing biri-biri.

"Sebagai contoh bagi seorang penternak baharu, veterinar akan bantu pada peringkat awal dengan memberikan dua ke tiga ekor haiwan ruminan untuk pengusaha itu menjalani proses pembiakan," katanya ketika ditemui.

Ujar Aida, bagi pengagihan ayam kampung pula, ia merangkumi dua kaedah iaitu peruntukan sebanyak 25 ekor untuk golongan rakyat di bawah B40 dan 100 ekor bagi pemilik kebun integrasi.

"Selama hampir tiga tahun dilaksanakan, lebih 100 penternak telah mendapat manfaat program ini. Berdasarkan statistik saban tahun, kos pengeluaran oleh JPV bagi memperoleh sumber baka ini pula adalah sekitar RM300,000 ke RM400,000 setahun," katanya.

Bagaimanapun menurut Aida, ketika ini, permintaan untuk ternakan haiwan ruminan terpaksa ditangguhkan seketika kerana berhadapan kesulitan untuk mendapatkan bekalan daripada pemilik ladang yang berkualiti.

Dalam pada itu, Aida berkata, JPV akan terus komited membantu ramai usahawan untuk berkecimpung dalam industri penternakan terutama dalam segi pemberian khidmat nasihat, bimbingan dan bantuan lain dari segi input dari masa ke semasa.

Terdahulu, Aida ditemui ketika mengadakan lawatan di Projek Ternakan Rusa, Q'din Deer Farm di Kampung Sagil, Tangkak, semalam.

Menurutnya, seperti haiwan ternakan lain, JPV juga optimis mengembangkan lagi sektor penternakan rusa di Johor pada masa hadapan berikutan peluang cerah.

Katanya, ia berikutan kecenderungan dan kesedaran rakyat di negara ini yang kini dilihat mula terarah kepada pengambilan pemakanan lebih menyihatkan.

"Terdapat 42 penternak rusa di Johor dengan membabitkan kira-kira 2,000 ternakan haiwan itu di negeri ini dan jumlah mereka dijangka akan meningkat pada masa akan datang.

"Ini kerana rusa adalah antara makanan eksotik dan masyarakat kita sekarang juga ke arah pengambilan makanan yang sihat iaitu daging yang berkualiti, tinggi kandungan protein dan kurang lemak. Justeru, daging rusa adalah daging yang sesuai untuk rakyat Malaysia yang mementingkan makanan sihat." Bagaimanapun, pengeluaran daging rusa di negeri ini masih lagi terhad dan kita memerlukan lebih banyak penternak rusa ini sama ada dari segi penghasilan daging rusa ataupun pengeluaran baka itu sendiri. Di Johor sendiri, ramai penternak membeli baka rusa ini dari luar negeri ini terutama dari Perak," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 13/12/2018 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

Q'Din Deer Farm tumpu usaha pembiakan baka Timorensis



Aida ketika melawat Projek Ternakan Rusa, Q'din Deer Farm di Kampung Sagil, Tangkak, semalam.

TANGKAK - Pusat peternakan dan pembiakan rusa Q'Din Deer Farm yang beroperasi di Kampung Sagil akan memberi tumpuan terhadap usaha penghasilan baka jenis 'Timorensis' yang lebih banyak dalam tempoh lima tahun ini.

Pengusahanya, Mohamad Nor Othman berkata, projek ternakan haiwan eksotik itu hanya memfokuskan pembiakan dan bukan pengeluaran daging.

Beliau berkata, sebagai permulaan projek yang diusahakan sejak Jun lepas dengan konsep ternakan 'Feedlot' iaitu rusa ditenak secara berkurung di lot terbuka menempatkan 41 ekor

rusa di kawasan seluas 0.8 hektar.

"Bagi ternakan rusa timorensis ini, kita mengeluarkan kos keseluruhan RM150,000 untuk membeli baka rusa berharga RM3,000 seekor selain pembinaan kemudahan di ladang ini.

[ARTIKEL BERKAITAN: [JPV Johor peruntuk lebih RM1 juta](#)]

"Kita akan melihat bagaimana pembiakan dan penghasilan rusa ini secara tahunan iaitu maksimum penambahan 150 ekor seterusnya diharap mampu memenuhi permintaan daging rusa pada masa akan datang," katanya kepada Bernama, di sini.

Mohamad Nor berkata, penternakan rusa merupakan satu bidang yang masih baharu dan kurang diceburi berbanding ternakan seperti lembu serta kambing namun ia telah menarik minatnya berdasarkan melihat potensi besar perniagaan tersebut.

Katanya faktor seperti kemampuan rakyat untuk mendapatkan bekalan daging eksotik telah bertambah justeru bekalan yang banyak diperlukan untuk memenuhi permintaan akan datang.

"Jika kita lihat ilmu pengetahuan terhadap penternakan rusa dalam negara masih kurang dan saya berhasrat dapat mencetuskan penyimpanan data setiap rusa dihasilkan melalui kaedah pengenalan melalui nombor tag, passport, selain mempunyai rekod pemeriksaan veterinar, persampelan dan sijil kesihatan veterinar.

"Bidang ini juga dilihat mampu menjadi agro-pelancongan bukan hanya agro-ternakan yang membolehkan pengunjung melawat ladang untuk melihat haiwan eksotik ini lebih dekat," katanya. - Bernama

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | 19 illegal timber factories receive temporary permit | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 13 Dec 2018 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A28 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 379 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,431 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,293 |



漂白非法木厂 19家获临时执照

马六甲12日讯 | 甲州政府将重新研究与木材有关的条例，并决定「漂白」州内的木厂，终止39家已没有运作的木厂的执照，同时发出临时执照予19家非法运作的木厂。

甲州首席部长阿德里指出，州政府早前已经禁止州内森林保护区伐木活动的进行，如今正在研究及探讨与木材有关的条例，以严厉管制与木材有关的活动。



阿德里表示，甲州政府将终止39家已没运作木厂的执照。

「甲州共有93间木厂，当中只有54家在运作，39家已没有运作。」

他续称，54家木厂当中有19家是在没有执照下经营，州政府将给予业者申请临时执照的机会并长期监督，确保这些木厂业者遵从及符合必要的条件后，才会发出正式执照。

杜绝非法木厂

「我们进行这项漂白计划，是为了杜绝非法木厂。」

阿德里是在州行政议会结束后，在记者会上如是指出。此外，他指出，州行政议会会议决，调整林秀凌及诺依占州行政议员的事务，

「林秀凌所掌管的妇女、家庭发展、社会福利与

原住民事务委员会将改为甲州妇女、社会福利与郊区发展事务委员会；诺依占所掌管的甲州农业、企业发展及农基工业委员会改为甲州农业、企业发展、合作社及农基工业委员会。」

筹备圣诞庆典

另一方面，阿德里表示，州政府已批准140万令吉拨款，以再明年1月发放成人纸尿裤予1197名有需要的贫穷人士。

「早前各有关单位，都会定期派发纸尿裤，不过现在决定统一由一个委员会去负责。」

他说，州政府也批准7万令吉，作为筹备圣诞节庆典的费用。